

## **PERMOHONAN KE LUAR NEGARA**

### **Permohonan Ke Luar Negara [Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2002]**

#### i) Permohonan daripada NC dan TNC

Permohonan ke Luar Negara daripada NC dan TNC perlu mendapatkan kelulusan daripada KPTM yang mana ianya dibuat secara *online* melalui Portal KPTM (kuat kuasa 2 Februari 2011) selewat-lewatnya 3 hari sebelum penerbangan.

#### ii) Lampiran B (Permohonan selain daripada NC dan TNC)

a. Semua permohonan ke luar negara perlu mengisi Lampiran B (Menghadiri Persidangan, Seminar dan Lawatan Rasmi ke Luar Negara) dan dihantar ke Pejabat Timbalan Naib Canselor yang berkenaan dalam tempoh selewat-lewatnya 30 hari dari tarikh penerbangan. Jika permohonan dibuat kurang daripada 30 hari, pastikan ulasan/justifikasi kelewatan dilampirkan bersama borang permohonan.

b. Pemohon perlu melengkapkan Borang Lampiran B yang perlu sokongan Dekan/Ketua PTj, Ulasan TNC (A&P)/TNC (P&I)/TNC (HEPA) dan kelulusan Naib Canselor.

c. Jika urusan keluar negara atas urusan membentang kertas kerja/ Seminar/peribadi perlu mendapat kelulusan TNC (A&A).

- d. Jika urusan keluar negara atas urusan penyelidikan atau inovasi perlu mendapat kelulusan TNC (P&I).
- e. Jika urusan keluar negara atas urusan aktiviti atau program pelajar perlu mendapat kelulusan TNC (HEPA).
- f. Walaupun begitu sebarang perubahan syarat kelulusan ke luar negara adalah tertakluk kepada kelulusan dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia/Perbendaharaan Malaysia.
- g. Bagi kakitangan akademik, perlu melampirkan perancangan bebanan tugas yang ditinggalkan sepanjang pegawai berada di Luar Negara.